

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.11.2014**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a. apakah status pengambilalihan perkhidmatan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) daripada 2 syarikat penyedia perkhidmatan melalui AES Solution Sdn. Bhd. ; dan

b. apakah terma-terma serta kos pengambilalihan AES oleh Solution Sdn. Bhd. dari dua syarikat penyedia perkhidmatan sedia ada

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilalihan pelaksanaan AES daripada ATES Sdn Bhd dan Beta Tegap Sdn Bhd masih belum dimuktamadkan kerana Kerajaan perlu memperhalusi opsiyen terbaik bagi menyelesaikan proses pengambilalihan berkenaan. Oleh yang demikian, sebarang bentuk maklumat terutamanya terma dan kos pengambilalihan merupakan maklumat sulit dan terperingkat. Ia sangat penting dipatuhi bagi memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat. Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pengambilalihan AES ini diselesaikan dengan berhemah serta mencapai *win-win solutions* dan dalam masa yang sama tidak membebankan kewangan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 NOVEMBER 2014  
[ KHAMIS ]

DARIPADA : Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH  
[ MUKAH ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan langkah-langkah yang dicadang untuk membasmi kemiskinan di bandar.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan di bandar. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dilaksanakan bertujuan membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga. Program, projek dan aktiviti yang dirancang bertujuan meningkatkan kualiti hidup dan memberi pendapatan tambahan kepada golongan sasaran. Program-program tersebut adalah:-

- (i) **Program Bantuan Perumahan** yang menyediakan kemudahan perumahan kepada kumpulan sasaran meliputi bantuan bina baru rumah dan baik pulih rumah. Kadar bantuan bina baru ialah RM40,000 (3 bilik) dan RM37,000 (2 bilik) di Semenanjung dan RM50,000 (3 bilik) dan RM46,000 (2 bilik) di Sabah/ Sarawak.

- (ii) **Program Bantuan Sewa Rumah** adalah sebanyak RM124.00 sebulan kepada KIR yang layak dan menyewa rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), rumah majlis atau rumah persendirian.
- (iii) **Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** meliputi 3 komponen utama yang dijalankan secara pakej iaitu Program pembangunan minda insan, program bina upaya di bandar dan program jana pendapatan melalui keusahawanan. Program dilaksanakan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dilantik oleh Kementerian.
- (iv) **Program Titipan Kasih** menyediakan bantuan makanan asas seperti beras, tepung dan lain-lain bernilai RM80.00 sebulan kepada KIR Miskin Tegar di outlet-outlet terpilih. Pembelian dilakukan melalui Mykad yang dilaksanakan dengan kerjasama NGO.
- (v) **Program Kios Penjaja Bandar** menyediakan kemudahan kios penjaja bergerak kepada golongan miskin untuk menjana

pendapatan melalui aktiviti perniagaan dan keusahawanan bagi membantu KIR keluar dari kemiskinan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014